

Serentak di semua peringkat

UM 16 JUN 2002

Oleh AZMAN ANUAR

PUTRAJAYA 15 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah secara serentak mulai tahun depan, bukan setakat di tahun satu sahaja.

Perdana Menteri berkata, langkah melaksanakan secara serentak itu perlu diambil memandangkan kesan pengajaran bahasa Inggeris dalam dua subjek berkenaan, jika bermula pada tahun satu sahaja, akan mengambil masa 11 tahun untuk menampakkkan hasilnya.

Diteruskan

“Kita mahu mulakan semua sekali secara serentak,” kata Dr. Mahathir sambil memberitahu beliau ada cara untuk melaksanakannya.

Oleh itu katanya, pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tetap diteruskan dan tidak akan berpatah balik.

Perdana Menteri menyatakan keputusan tersebut dalam wawancara khas dengan *Mingguan Malaysia* di pejabatnya di sini semalam.

Bagaimanapun Dr. Mahathir memberi jaminan langkah kerajaan menggunakan bahasa Inggeris dalam dua mata pelajaran itu sama sekali tidak bertujuan untuk mengembalikan semula aliran

• Lihat muka 4

UM 16 JUN 2002

Inggeris di negara ini.

Jika aliran Inggeris diwujudkan semula di sekolah-sekolah bahasa Melayu akan menerima kesan paling ketara, jelasnya.

“Kalau begitu, mati langsung bahasa Melayu. Bahasa Melayu kita guna. Kita kena hidupkan bahasa Melayu.

“Identiti kita terikat kepada bahasa kita,” katanya.

Sehubungan itu Dr. Mahathir menolak permintaan supaya aliran Inggeris dijadikan sebagai pilihan kepada pelajar dan ibu bapa.

mua peringkat

menjelaskan bahawa rakyat harus mengubah sikap dan perlu terus bersedia menghadapi sesuatu masalah.

“Kita perlu terus selesaikan masalah sepanjang masa. Tugas kita ialah mengatasi masalah. Kita perlu terus-terusan,” jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir lagi: “Kita akan adakan kursus seperti dua tiga mata pelajaran digabungkan untuk diajar secara serentak di Tahun Lima dengan mencantumkan pelajaran

Serentak di se

Kata Perdana Menteri, jika kelonggaran ini diberikan bennakna kemungkinan orang Melayu tidak akan belajar dalam bahasa Melayu lagi.

“Sebab nilai ekonominya jatuh. Orang ini akan tinggi nilai ekonominya dan orang ini tidak ada nilai,” jelas beliau lagi.

Mengenai kebimbangan yang mungkin timbul berikutan keputusan itu terutama di kalangan pegawai pelaksana dan guru-guru terbabit yang belum bersedia, Dr. Mahathir

(dua subjek itu) dari Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat secara serentak.

“Kita boleh buat, bukan mustahil sangat tetapi kita perlu kerja kuat, kita kena belajar.”

Pada 10 Mei lalu, kerajaan mengemukakan keputusan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah kebangsaan secara berperingkat mulai Tahun Satu tahun depan.